



transformasi melalui inovasi
transformation through innovation

Laporan tahunan 2008 annual report



BSN

BANK SIMPANAN NASIONAL

بشك سيمپانن ناسيونل

BANK KOMUNITI ANDA

RASIONAL KULIT

Visual logo BSN bentuk tiga dimensi menandakan:

- usaha BSN yang berterusan dalam mengikut segala inovasi dan trend terkini yang terdapat dalam perkhidmatan perbankan.

Pancaran warna dari visual logo BSN melambangkan:

- keteguhan BSN yang berterusan.
- inovasi dalam perkhidmatan yang disediakan untuk kemudahan pelanggan.

COVER RATIONALE

The three dimensional BSN logo signifies:

- BSN's continuous effort in keeping abreast with innovation and latest trends in banking services.

The rays radiating from BSN's logo represent:

- BSN's continuous strength.
- innovativeness in its services provided for the benefit of its customers.



LAPORAN TAHUNAN 2008

KANDUNGAN

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS	02
PENGURUSAN SENIOR MANAGEMENT	04
SENARAI AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA LIST OF BOARD COMMITTEE MEMBERS	06
KENYATAAN PENERUSI	08
LAPORAN AKTIVITI	12
PENYATA KEWANGAN	19
• SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008	20
• PENAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL	21
• PENYATA PENERUSI DAN SALAH SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH	22
• LAPORAN PARA PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008	23
• LEMBARAN IMBANGAN	26
• PENYATA PENDAPATAN	27
• PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI PERUBAHAN DALAM EKUITI	28
• PENYATA ALIRAN TUNAI	30
• NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	33

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report



Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Azim Mohd Zabidi
Pengerusi/Chairman



Y. Bhg. Dato' Dr. Halim Man
Ahli/Member



Y. Bhg. Dato' Mohd Ali Abd. Samad
Ahli/Member



Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari
Ahli/Member



Y. Bhg. Dato' Ng Kam Cheung
Ahli/Member

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report



Y. Bhg. Dato' V. Danapalan
Ahli/Member



Tuan Haji Ghazali Awang
Ahli/Member



Encik Adinan Maning
Ahli/Member



Dr. A. Manaf Hussin
Ahli Silihganti kepada Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari
Alternate Member to Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari



Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Padzil Hashim
Ahli Silihganti kepada Y. Bhg. Dato' Dr. Halim Man
(dilantik pada 7 April 2008)
Alternate Member to Y. Bhg. Dato' Dr. Halim Man
(appointed on 7 April 2008)



Puan Ummul Shirin Mohd Thalha
Setiausaha Lembaga Pengarah/Board Secretary

PENGURUSAN

SENIOR MANAGEMENT

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report



Encik Adinan Maning
Pengurus Besar/Ketua Eksekutif
General Manager/Chief Executive



Puan Norazian Ahmad Tajuddin
Timbalan Pengurus Besar
(Perbankan Konsumer &
Pembangunan Perniagaan)
*Deputy General Manager (Consumer
Banking & Business Development)*



Encik Hasan Mohamed
Timbalan Pengurus Besar
(Perbendaharaan & Sokongan Korporat)
*Deputy General Manager (Treasury &
Corporate Support)*



**Encik Winston Emmanuel
Jeyaprakash**
Pegarah (Pengurusan Kredit &
Sokongan Perniagaan)
*Director (Credit Management &
Business Support)*



Encik Md. Shariff Manat
Pegarah (Keselamatan)
Director (Security)



Encik M. Zaukifele Ibrahim
Pegarah (Khidmat Bayaran)
Director (Payment Services)



Encik Zainuddin Ahmad
Pegarah (Pengurusan Sumber
Manusia) (dari 1 Julai 2008)
*Director (Human Resource
Management) (w.e.f. 1 July 2008)*



Encik Ahmad Latfan Mohd Amran
Pegarah (Audit)
Director (Audit)

PENGURUSAN SENIOR MANAGEMENT

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report



Puan Jamaliah Ibrahim
Pengarah (Teknologi Maklumat)
Director (Information Technology)



Puan Miyana Rastam
Pengarah (Khidmat Korporat)
Director (Corporate Services)



Dr. Mohammad Adam Bakar
Pengarah (Perbankan Islam)
Director (Islamic Banking)



Encik Azlan Nor Yusoh
Pengarah (Pengurusan Risiko)
Director (Risk Management)



Encik Siew Kin Meng
Pengarah (Kewangan) (dari 2 September
2008)
Director (Finance) (w.e.f. 2 September 2008)



Encik Zakaria Saad
Pengarah (Perbankan Cawangan) (sehingga
30 Jun 2008)
Director (Branch Banking) (until 30 June 2008)



Encik Nordin Ahmad
Pengarah (Pengurusan Sumber Manusia)
(sehingga 31 Mei 2008)
*Director (Human Resource Management)
(until 31 May 2008)*



Encik Khairuddin Jafus
Pengarah (Mikro Kewangan) (sehingga 31
Mei 2008)
Director (Micro Finance) (until 31 May 2008)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA

LIST OF BOARD COMMITTEE MEMBERS

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

JAWATANKUASA LEMBAGA

BOARD COMMITTEES

AHLI SEHINGGA 31 DISEMBER 2008

MEMBER AS AT 31 DECEMBER 2008

AUDIT & PEMERIKSAAN

AUDIT & EXAMINATION

1. Tuan Haji Ghazali Awang (Pengerusi/Chairman)
2. Y. Bhg. Dato' Mohd Ali Abd. Samad
3. Y. Bhg. Dato' Ng Kam Cheung
4. Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari

PENGURUSAN RISIKO

RISK MANAGEMENT

1. Y. Bhg. Dato' Dr. Halim Man (Pengerusi/Chairman)
2. Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Azim Mohd Zabidi
3. Y. Bhg. Dato' Ng Kam Cheung
4. Y. Bhg. Dato' V. Danapalan

PENCALONAN

NOMINATION

1. Y. Bhg. Dato' Mohd Ali Abd. Samad (Pengerusi/Chairman)
2. Y. Bhg. Dato' V. Danapalan
3. Y. Bhg. Dato' Dr. Halim Man
4. Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari
5. Encik Adinan Maning

SARAAN

REMUNERATION

1. Y. Bhg. Dato' Ng Kam Cheung (Pengerusi/Chairman)
2. Y. Bhg. Dato' Mohd Ali Abd. Samad
3. Y. Bhg. Dato' Dr. Halim Man



\$



i



KENYATAAN PENGERUSI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

KENYATAAN PENERUSI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

EKONOMI MALAYSIA

Tahun 2008 merupakan tahun yang penuh cabaran dengan peningkatan kadar pertukaran Ringgit Malaysia setinggi RM3.14 / 1USD dalam bulan April 2008, kenaikan harga minyak mentah sebanyak USD148 satu tong dalam bulan Julai 2008 dan pengumuman Kerajaan Malaysia ke atas kenaikan harga petrol sebanyak 41% atau RM0.78 bermula bulan Julai 2008.

Tahun 2008 juga telah mencatatkan pertumbuhan (KDNK) sederhana negara sebanyak 4.6% berbanding 6.3% peratus pada tahun 2007. Dari segi pengeluaran, sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ini.

Sektor perbankan menyaksikan Bank Negara Malaysia (BNM) menurunkan kadar asas semalamannya (OPR) sebanyak 25 mata dalam bulan November 2008. Penurunan kadar OPR ini adalah langkah yang diambil oleh BNM berikutan dari ketidaktentuan krisis ekonomi global yang dialami oleh seluruh negara di dunia. Selaras dengan penurunan ini, kadar pinjaman asas institusi kewangan di Malaysia juga telah diturunkan. Ini dilihat sebagai satu inisiatif bagi membantu meringankan beban kewangan rakyat di samping membantu menangani masalah kewangan mereka. Pendekatan ini juga dilihat sebagai membantu untuk merangsang ekonomi tempatan.

PRESTASI KEWANGAN BANK

Dalam persekitaran perkembangan ekonomi yang tidak menentu, BSN masih lagi mampu untuk menjana keuntungan yang memberangsangkan dan berada dalam kedudukan yang lebih selesa untuk menghadapi krisis kewangan dunia. BSN terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai Bank yang diurustadbir secara berkesan bagi mengimbangi keperluan komersial dan kepentingan sosial.

BSN bukan sahaja berfungsi sebagai Bank yang dipertanggungjawabkan untuk menggalak penabungan di kalangan rakyat Malaysia dan menyediakan akses kewangan dan perbankan malah berkeupayaan untuk bertindak balas dengan pantas selaras dengan perkembangan industri perbankan. Prestasi kewangan BSN kini membuktikan bahawa proses transformasinya telah meletakkan BSN di landasan yang lebih kukuh dan memperkasakan kedudukannya untuk merealisasikan matlamat jangkamasa panjang bagi menjadi institusi kewangan yang unggul di arena perbankan dan kewangan tempatan.

Bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2008, BSN telah menjana pendapatan sebanyak RM851.4 juta dan mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM168.2 juta di mana keuntungan telah disumbangkan dari aktiviti-aktiviti pembiayaan, pelaburan, pemuliharaan hutang dan pendapatan fi serta kawalan belanja.

Jumlah pendeposit runcit BSN, setakat tahun 2008, mencapai 7.5 juta dengan nilai simpanan sebanyak RM10,302 juta. Jumlah simpanan ini telah meningkat sebanyak RM1,536 juta atau 17.5% berbanding pada tahun 2007. Jumlah keseluruhan aset BSN telah meningkat sebanyak RM1,499 juta di mana sebahagian besar peningkatan disumbangkan oleh produk pinjaman berjumlah RM1,112 juta di mana pembiayaan peribadi dan pinjaman perumahan merupakan penyumbang terbesar dalam produk pinjaman.

Pinjaman Persendirian dan Pinjaman Perumahan adalah salah satu penyumbang besar kepada peningkatan dalam aset portfolio Bank dan seterusnya kepada keuntungan selepas cukai bagi tahun 2008. Jumlah pinjaman persendirian dan pinjaman perumahan telah meningkat sebanyak 17.6% dari RM6,376 juta pada tahun 2007 kepada RM7,500 juta untuk tahun 2008.

Deposit di dalam Skim GIRO meningkat sebanyak 5.2% daripada RM4,745 juta pada tahun 2007 kepada RM4,992 juta pada tahun 2008. Skim Giro-i dan Mudharabah mendapat sambutan yang menggalakkan dan merekodkan kenaikan dalam deposit masing-masing daripada RM375 juta dan RM902 juta pada tahun 2007 kepada RM607 juta dan RM2,170 juta pada tahun 2008.

Sementara itu, kedudukan portfolio Perbankan Islam terus menunjukkan potensi yang memberangsangkan. Dalam tahun 2008, portfolio aset Perbankan Islam telah menunjukkan pertumbuhan sebanyak RM1,317 juta daripada RM4,007 juta dalam tahun 2007. Pertumbuhan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 32.9% dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan rizab daripada RM172 juta dalam tahun 2007 kepada RM202 juta dalam tahun 2008.

Bagi tahun kewangan 2008 ini juga, BSN telah mempertingkatkan pengurusan risiko kredit melalui penambahbaikan proses penilaian kredit, latihan dan usaha pungutan hutang. BSN telah berjaya mengurangkan kadar Pembiayaan Tidak Berbayar Bersih ("Net Non Performing Loan") dari 2.4% pada tahun 2007 kepada 1.5% pada tahun

KENYATAAN PENERUSI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

2008 manakala Pembiayaan Tidak Berbayar Kasar ("Gross Non Performing Loan") telah dikurangkan daripada 9.8% (2007) kepada 8.1% (2008). Ini adalah satu petanda menunjukkan keupayaan BSN untuk terus melaksanakan sistem kutipan kredit yang lebih konsisten bagi membantu BSN untuk terus menurunkan peratusan Pinjaman Tidak Berbayarnya setiap tahun. Dalam pada itu, BSN juga telah membuat pertambahan peruntukan penuh bagi Pembiayaan Tidak Berbayar untuk perumahan lebih dari 5 tahun. Ini adalah selaras dengan amalan terbaik industri perbankan.

Dalam menangani persekitaran yang serba mencabar, BSN telah memberi tumpuan yang lebih besar terhadap pendekatan yang mengutamakan pelanggan. Strategi ini dilaksanakan sebagai langkah proaktif dalam memenuhi permintaan para pelanggan yang semakin canggih. Untuk memastikan saluran penyampaian yang memenuhi kehendak pelanggan, usaha sedang dilaksanakan bagi mengukuhkan dan menaiktaraf 374 buah cawangan-cawangan yang sedia ada, di samping 665 buah mesin ATM dan 48 buah Mesin Deposit Tunai (CDM) di seluruh Negara (setakat Disember 2008). Kesemua ini dilakukan untuk menjadikan BSN sebagai sebuah Bank yang dinamik, serba lengkap dan memaksimumkan operasinya untuk perkhidmatan yang lebih efisien.

Sebagai sebuah Bank yang mementingkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat, BSN terus memacu portfolio Mikro Kewangannya dengan lebih agresif di dalam menyediakan akses kepada pinjaman ini kepada usahawan-usahawan tempatan. Untuk tujuan ini, BSN telah menyediakan lebih 30 pusat Mikro Kewangan di seluruh Malaysia di mana penempatan pusat-pusat ini dapat mempercepatkan proses kelulusan dan pemantauan bagi permohonan pinjaman ini. Sesuai dengan *tagline* Bank Komuniti Anda, inisiatif ini dapat membantu peniaga-peniaga kecil untuk menghubungi mana-mana pusat Mikro Kewangan yang berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan informasi lanjut berhubung produk ini. Melalui skim ini juga, BSN telah berjaya membantu sebahagian besar usahawan-usahawan termasuk usahawan yang menghadapi kesukaran khususnya dari segi modal kerja dan kemahiran teknikal. Setakat bulan Disember 2008, BSN telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM60 juta kepada lebih 3,000 peminjam.

BSN juga telah terpilih untuk menjadi salah satu institusi kewangan yang menyalurkan dana untuk membaiki kehidupan rakyat miskin di Malaysia. Melalui Projek Amal Jariah dengan dana yang telah disediakan oleh Kerajaan Malaysia ini, BSN telah membaiki lebih daripada 3,200 buah rumah bagi

menyediakan tempat tinggal yang sempurna untuk masyarakat yang tidak berkemampuan dari segi kewangan dan seterusnya menyokong aspirasi Kerajaan Malaysia untuk membasmi kemiskinan tegar di Malaysia secara berperingkat.

TRANSFORMASI BSN

Bagi memantapkan kedudukan BSN dan memastikan BSN kekal teguh serta dapat menghadapi cabaran di dalam keadaan industri kewangan yang semakin sengit, suatu anjakan dan peralihan dari aspek minda, budaya kerja serta penggunaan sumber-sumber sedia ada secara optimum di samping peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan telah dilaksanakan.

Pelbagai usaha dan inisiatif dilaksanakan merangkumi proses-proses pengurusan dan pembangunan operasi, pengurusan pelanggan, inovasi, kawal seliaan dan juga mandat yang dipertanggungjawabkan ke BSN serta menekankan kepentingan pembelajaran dan pembangunan modal insan, teknologi maklumat dan struktur organisasi yang berkisar kepada budaya kepimpinan dan semangat berpasukan.

Projek Rasionalisasi Bank juga telah memberi impak kepada cawangan-cawangan di seluruh negara. Beberapa cawangan telah dinaiktaraf dan dipindahkan ke lokasi yang lebih strategik di mana perkhidmatan kepada pelanggan dapat dijalankan dengan lebih efisien. Di samping itu beberapa cawangan juga telah digabungkan untuk memberi keselesaan kepada pelanggan di dalam membuat urusan harian mereka.

TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir urus korporat merupakan elemen yang penting dan diberi perhatian oleh pemegang-pemegang kepentingan BSN. Pihak Bank adalah komited kepada usaha mematuhi amalan tadbir urus korporat yang akan memacu BSN ke arah masa depan yang lebih cemerlang. Asas tadbir urus yang kukuh akan memastikan BSN menjadi institusi kewangan yang mantap dan mendapat sokongan berterusan daripada semua pemegang kepentingan BSN.

Selaras dengan "GP4" (iaitu Garis Panduan BNM mengenai piawai Tadbir Urus Korporat bagi Lembaga Pengarah Institusi Kewangan Pembangunan), Lembaga Pengarah BSN telah mewujudkan empat Jawatankuasa Lembaga seperti yang dinyatakan di muka surat 11. Di dalam menjalankan tugas-tugas penyelia-seliaan, jawatankuasa-jawatankuasa tersebut telah mengadakan mesyuarat-mesyuarat di mana hampir

KENYATAAN PENERUSI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

semua jawatankuasa tersebut telah mengadakan mesyuarat lebih daripada piawai yang ditetapkan.

• JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT & PEMERIKSAAN

Nama Ahli

1. Tuan Haji Ghazali Awang (Pengerusi)
2. Y. Bhg. Dato' Mohd Ali Abd. Samad
3. Y. Bhg. Dato' Ng Kam Cheung
4. Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari

Jumlah mesyuarat pada tahun 2008

Keperluan mesyuarat:

Sekurang-kurangnya sekali setiap 3 bulan.
14 mesyuarat telah diadakan.

• JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

Nama Ahli

1. Y. Bhg. Dato' Dr. Halim Man (Pengerusi)
2. Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Azim Mohd Zabidi
3. Y. Bhg. Dato' Ng Kam Cheung
4. Y. Bhg. Dato' V. Danapalan

Jumlah mesyuarat pada tahun 2008

Keperluan mesyuarat:

Sekurang-kurangnya sekali setiap 3 bulan.
4 mesyuarat telah diadakan.

• JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN

Nama Ahli

1. Y. Bhg. Dato' Mohd Ali Abd. Samad (Pengerusi)
2. Y. Bhg. Dato' V. Danapalan
3. Y. Bhg. Dato' Dr. Halim Man
4. Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari
5. Encik Adinan Maning

Jumlah mesyuarat pada tahun 2008

Keperluan mesyuarat:

Sekurang-kurangnya sekali setahun.
6 mesyuarat telah diadakan.

• JAWATANKUASA LEMBAGA SARAAN

Nama Ahli

1. Y. Bhg. Dato' Ng Kam Cheung (Pengerusi)
2. Y. Bhg. Dato' Mohd Ali Abd. Samad
3. Y. Bhg. Dato' Dr. Halim Man

Jumlah mesyuarat pada tahun 2008

Keperluan mesyuarat:

Sekurang-kurangnya sekali setahun.
3 mesyuarat telah diadakan.

LEMBAGA PENGARAH

Kecemerlangan Bank turut bergantung kepada corak kepimpinan yang mendukung nilai-nilai organisasi serta visi untuk perkhidmatan yang cekap dan berdaya maju. Dalam konteks ini, Lembaga Pengarah menjadi elemen utama yang memberi sokongan dan pendapat bernas dalam menjayakan usaha-usaha penambahbaikan yang dilaksanakan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan pelantikan Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Padzil Hashim (Ahli Silihganti) sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah BSN berkuatkuasa pada 7 April 2008. Semoga pelantikan ini akan membantu BSN untuk terus mencapai kejayaan demi kejayaan di masa hadapan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan kepada semua rakan sejawat saya di Lembaga Pengarah yang telah sama-sama memberi idea dan pandangan yang bernas dalam menentukan arah tuju perkembangan Bank. Saya percaya sokongan padu ini akan berterusan demi kebaikan semua.

KATA-KATA PENUTUP

Kejayaan yang dikecapi oleh BSN adalah berkat sokongan positif dari pelbagai pihak. Saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan ke atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua agensi terutamanya Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia.

Tidak lupa juga penghargaan saya kepada Pengurusan dan kakitangan Bank atas usaha dan dedikasi yang telah menyumbang kepada prestasi BSN yang memberangsangkan. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan di atas kesetiaan, sokongan dan keyakinan yang berterusan terhadap kemampuan kami.



Dato' Seri Abdul Azim Mohd Zabidi
Pengerusi, Bank Simpanan Nasional

LAPORAN AKTIVITI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

Matlamat jangka panjang BSN adalah untuk menjadi salah satu institusi perbankan yang dinamik di Malaysia yang berkemampuan untuk memainkan peranannya di dalam mengimbangi matlamat komersial serta obligasi sosialnya. Selaras dengan ini, dalam tahun 2008, beberapa program dan inisiatif telah dijalankan bagi mengukuh dan mengekalkan kedudukan BSN dari segi penjana pendapatan yang berterusan dan pertumbuhan yang mampan. Usaha gigih pihak BSN telah membolehkannya melaksanakan beberapa program seperti berikut:

PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Pembiayaan Perumahan Rakyat (PPR)

Selaras dengan peranannya, BSN sentiasa menyokong aspirasi kerajaan untuk menjamin kesejahteraan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Dengan kerjasama Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Rakyat (SJKP), sebuah syarikat penuh milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), bermula bulan Januari 2008, BSN merupakan salah satu Bank yang terawal dalam memberi kemudahan pinjaman kepada golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Kemudahan pembiayaan ini adalah untuk membantu golongan tersebut seperti nelayan, petani dan lain-lain untuk membeli rumah yang agak selesa dalam kawasan yang mempunyai infrastruktur yang selamat.

Usaha ini juga adalah selaras dengan obligasi sosial BSN untuk memberi akses kewangan kepada komuniti yang memerlukan dan secara tidak langsung membantu dalam meningkatkan taraf ekonomi dan kualiti hidup golongan ini.

Kemudahan Pemindahan Wang (Western Union)

Melalui kerjasama dengan Western Union Company, BSN telah menambah satu lagi perkhidmatannya dengan fokus untuk menjadikan BSN sebagai satu pusat sehenti (one stop centre) di dalam memberi kemudahan perbankan kepada pelanggan dan orang ramai. Kerjasama yang termeterai pada 29 Januari 2008 ini telah memberi peluang kepada pelanggan BSN dan orang ramai untuk mengirim wang kepada lebih 320,000 lokasi di seluruh dunia di lebih 200 buah negara di seluruh dunia.



Kemudahan pinjaman kepada golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap.



Kemudahan mengirim wang kepada lebih 320,000 lokasi di seluruh dunia.

LAPORAN AKTIVITI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

Unit Bank Bergerak BSN

Pada 19 Februari 2008, BSN melakar satu lagi sejarah apabila melancarkan perkhidmatan Unit Bank Bergerak (UBB) BSN di Pasar Beris Kubor Besar, Bachok Kelantan. Perkhidmatan ini disediakan dengan tujuan untuk mempermudah urusan perbankan asas seperti simpanan dan pengeluaran wang, pembelian Sijil Simpanan Premium, pembayaran bil dan lain-lain untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, terutamanya di lokasi-lokasi terpencil yang terpilih. Perkhidmatan UBB ini akan ditambah baik dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan. Antara lokasi-lokasi yang dilawati oleh UBB BSN adalah Bachok dan Jeli di Kelantan, Ajil, Sg Tong, Wakaf Tapai dan Felda Chalok di Terengganu, Beluran, Kinabatangan (Sandakan) dan Pitas, Matunggong (Kota Marudu).

Mesin Deposit Tunai

Bermula pada tahun 2008 juga BSN telah secara konsisten menyediakan mesin deposit tunai sebagai salah satu inisiatif untuk penyampaian perkhidmatan yang mengutamakan kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan dan orang ramai. Setakat tahun 2008 BSN telah pun mempunyai sebanyak 49 buah mesin deposit tunai di seluruh negara. Selain membuat deposit tunai, pelanggan dan orang ramai berpeluang untuk membuat pembayaran bil, membeli SSP dan membuat transaksi seperti pembayaran pinjaman dan lain-lain.



Inisiatif BSN dalam penyampaian perkhidmatan berasaskan kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan.

Klinik Kredit

Bermula tahun 2008, BSN akan meneruskan usaha mendekati para pelanggan untuk membantu dalam mengurangkan tekanan bebanan pinjaman atau pembiayaan dengan menggandakan bilangan 'Klinik Kredit' di seluruh 13 negeri melalui cawangan Zon terpilih. Usaha BSN ini adalah sebagai salah satu langkah proaktif untuk menggalakkan peminjam menjelaskan pinjaman di samping mendidik pelanggan-pelanggannya mengenai pengurusan kewangan yang bijak. Melalui 'Klinik Kredit' ini BSN menawarkan kemudahan khidmat nasihat, pengurusan



Mempermudahkan urusan perbankan kepada semua lapisan masyarakat terutamanya di lokasi-lokasi terpencil yang terpilih.

LAPORAN AKTIVITI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

dan pemulihan masalah kredit serta pakej bantuan seperti pengecualian denda lewat untuk peminjam individu yang berkecualan untuk penjadualan semula pinjaman-pinjaman seperti pinjaman perumahan, sewa beli dan pinjaman peribadi dengan kadar bayaran yang lebih fleksibel.

BSN sememangnya ingin menggalakkan pemberian pinjaman dan peminjaman berhemat menerusi usaha yang bersepadu untuk mendidik pelanggan-pelanggan mengenai pengurusan kewangan yang bijak. Namun begitu, BSN juga faham akan terdapat kes-kes pelanggan-pelanggan yang terjejas akibat perkembangan ekonomi yang tidak diduga, seperti kenaikan harga barangan yang tinggi dan menjadikan nilai pendapatan mereka menjadi kecil. Dengan adanya 'Klinik Kredit' ini BSN berharap agar ia dapat membantu pelanggan-pelanggan secara proaktif untuk terus berdaya tahan di dalam menguruskan kewangan mereka dengan menyediakan saluran yang efektif dan mencadangkan jalan-jalan penyelesaian yang berkesan untuk mempermudah pembayaran balik pinjaman mereka. Pakej penyelesaian yang ditawarkan pula termasuk program pembayaran balik pinjaman yang distruktur secara khusus dan penjadualan semula yang tertakluk kepada terma-terma dan syarat.

Operasi perbankan di hujung minggu

Berpaksikan kepentingan dan keselesaan pelanggan, BSN juga telah memulakan operasi perbankan hujung minggu di cawangan-cawangan tertentu bermula bulan April 2008. Inisiatif ini dikenalpasti sebagai satu usaha untuk memberi opsyen atau alternatif kepada pelanggan yang tidak berkesempatan untuk membuat transaksi perbankan pada hari-hari biasa untuk berbuat demikian di hujung minggu.

Perbankan SMS (BSN:SMS)

Untuk terus kekal setanding dengan institusi kewangan komersial yang lain BSN telah memaksimumkan teknologi maklumat dan telekomunikasi untuk menawarkan satu lagi perkhidmatan bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatannya. Perkhidmatan perbankan melalui SMS yang telah dilancarkan pada bulan Oktober 2008 ini telah menjadi salah satu instrumen bagi menggalakkan pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan BSN. Melalui BSN:SMS pelanggan berpeluang untuk membuat transaksi seperti pemindahan wang, membeli SSP, membayar bil, membeli PIN untuk kemasukan di IPTA, tambah nilai telefon bimbit dari semua rangkaian telekomunikasi. Perkhidmatan ini membolehkan perbankan dilakukan dari mana-mana dan pada bila-bila masa.



Perbankan hujung minggu memberi alternatif untuk berurusan di hujung minggu.



Perkhidmatan perbankan pada bila-bila masa dan di mana jua.

LAPORAN AKTIVITI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

Pelancaran Pusat Mikro Kewangan

Tahun 2008 menyaksikan BSN lebih agresif di dalam memacu pertumbuhan kemudahan Skim Mikro Kewangan melalui produk TemaNiaga. Sejalan dengan usaha agresif ini, Pusat Mikro Kewangan BSN Temerloh, Pahang telah dilancarkan pada 13 November 2008 oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi, Y. B. Dato' Saifuddin Abdullah. Secara keseluruhannya, pada tahun 2008, BSN telah menyediakan lebih 30 Pusat Mikro Kewangan untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan bagi urusan permohonan, kelulusan dan seterusnya pengeluaran pinjaman dengan lebih efisien dan efektif.

Tabungan Generasi Muda

BSN sejak penubuhannya pada tahun 1974, terus menjalankan tanggungjawab sosialnya dalam menyemai tabiat suka menyimpan di kalangan generasi muda. Berdasarkan aspirasi ini, Skim Galakan Simpanan Pelajar-Pelajar dan Sekolah-Sekolah Malaysia yang diperkenalkan dalam tahun 1982 dan disusun semula pada tahun 1996 kekal sebagai produk simpanan teras untuk murid-murid sekolah. Pada tahun 2008, Majlis Penyampaian Hadiah bagi Skim Galakan ini telah diadakan di peringkat Negeri. Skim ini menawarkan hadiah-hadiah galakan dalam bentuk wang tunai dan biasiswa kepada murid-murid dan sekolah-sekolah. Pada tahun 2008 juga Kelab

Penabung Muda (KPM) turut menjayakan beberapa aktiviti yang bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada aktiviti pendidikan, motivasi, pengembaraan dan kegiatan berkonsepkan pendidikan dan membina diri.



BSN – Pemacu dalam menggalakkan tabungan generasi muda.

Pakej Pembelajaran BSN Tutor Online

BSN dengan kerjasama Perfisio Solutions Sdn Bhd (Perfisio), telah melancarkan program pembelajaran melalui internet iaitu Tutor Online bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia.



Pusat Mikro Kewangan memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan Skim Mikro Kewangan.



Program pembelajaran melalui Internet bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Salah satu usaha Kelab Penabung Muda BSN.

LAPORAN AKTIVITI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

Melalui kerjasama pintar ini, pelajar-pelajar boleh berdaftar dengan Program Tutor Online melalui laman web BSN dan berpeluang untuk mengakses nota-nota dan soalan-soalan yang disediakan di portal pembelajaran tersebut secara online. Kerjasama ini memberi peluang kepada ahli-ahli Kelab Penabung Muda yang telah mencecah 32,000 untuk menikmati peluang mengakses program Tutor Online.

MENAIK TARAF OPERASI BSN

BSN Melangkah ke arah Jalur Lebar

Sejajar dengan usaha untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang menyeluruh, BSN telah melengkapkan cawangan-cawangannya dengan perkhidmatan jalur lebar yang selamat bagi membolehkan perkhidmatan transaksi perbankan yang pantas dan efisien. Dengan inisiatif penaiktarafan ini, BSN merupakan Bank pertama yang menggunakan perkhidmatan rangkaian jalur lebar *IP Broadband* di mana perkhidmatan ini telah mempercepatkan transaksi proses perbankan keseluruhan cawangannya di Malaysia terutamanya di kawasan-kawasan pendalaman. Perkhidmatan IP VPN ini disediakan oleh Syarikat HeiTech Padu Berhad. Satu majlis menandakan penyelesaian projek ini telah diadakan pada 22 Januari 2008.

Projek Rasionalisasi Cawangan

Inisiatif ini merupakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh BSN secara berterusan untuk memastikan keselesaan dinikmati oleh pelanggan dan orang ramai untuk membuat transaksi perbankan. Ini juga merupakan salah satu peranan BSN dalam memastikan akses kewangan dipanjangkan kepada segenap lapisan masyarakat.

Projek ini merangkumi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- penutupan cawangan kecil yang tidak aktif dan penggabungan cawangan-cawangan berdekatan yang dikenalpasti.
- pemindahan cawangan-cawangan tertentu ke lokasi yang lebih sesuai dan lebih besar.
- menaiktaraf cawangan-cawangan yang sedia ada.
- membuka cawangan-cawangan baru.
- menambah bilangan ATM dan CDM.

Setakat tahun 2008, BSN mempunyai 374 rangkaian cawangan 665 mesin ATM di seluruh negara untuk memberi perkhidmatan yang lebih meluas. BSN akan terus melaksanakan projek ini dari masa ke semasa untuk memperkasakan aksesibiliti kewangan kepada pelanggan dan orang ramai.



Perkhidmatan rangkaian jalur lebar *IP Broadband* menghubungkan rangkaian cawangan BSN dan mempercepatkan proses perbankan di cawangan-cawangan.



Usaha rasionalisasi cawangan BSN memastikan keselesaan yang berterusan kepada pelanggan-pelanggan Bank.

LAPORAN AKTIVITI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

LAIN-LAIN

Tanggungjawab Sosial

Sepanjang tahun 2008, BSN telah melaksanakan aktiviti serta memberi sumbangan yang menjurus kepada aspek tanggungjawab sosial. Sebagai warga korporat yang prihatin, sumbangan dan aktiviti tanggungjawab sosial BSN adalah ke arah membantu komuniti-komuniti yang memerlukan. Di antara sumbangan yang diberikan adalah termasuk kepada Badan-badan Kebajikan, Pusat-pusat Komuniti dan Rumah Anak-anak Yatim berupa barangan seperti katil, komputer, kerusi roda dan beg sekolah.



Tanggungjawab sosial BSN dalam membantu komuniti yang memerlukan.

Projek Amal Jariah

Projek Amal Jariah merupakan satu program Kerajaan yang bertujuan menaik taraf golongan miskin tegar yang layak dengan membaiki pulih tempat tinggal mereka yang berkeadaan uzur serta rosak supaya mereka dapat menjalani kehidupan dalam kediaman yang lebih baik. Syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Prokhas Sdn. Bhd. telah dilantik menyelaras dan melaksanakan program ini. Sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan untuk disalurkan kepada penerima bantuan. Bagi melicinkan dan mempercepatkan pelaksanaan program ini, Prokhas telah melantik Bank Simpanan Nasional dan Bank Islam Malaysia Berhad berdasarkan kepada rangkaian cawangan yang banyak dan menyeluruh. Pegawai dan kakitangan BSN yang dilantik untuk menjalankan projek ini telah menjalankan usaha murni ini secara sukarela dengan mengorbankan masa dan tenaga mereka untuk turun padang bagi mengenal pasti rumah-rumah yang uzur dan perlu dibaiki. Kesungguhan kakitangan BSN dalam usaha kebajikan ini telah berjaya membantu membaiki pulih lebih 3,200 buah rumah di seluruh negara yang bernilai lebih RM17.5 juta setakat 31 Disember 2008.



Program Kerajaan bertujuan menaik taraf golongan miskin tegar membaiki pulih kediaman supaya menjalani kehidupan yang lebih selesa.

LAPORAN AKTIVITI

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

Pembangunan Modal Insan

Pusat Pembelajaran BSN (PPBSN) yang sebelum ini dikenali Pusat Latihan Bank Simpanan Nasional telah dinaik taraf sejajar dengan matlamat BSN untuk mempertingkatkan lagi inisiatif di dalam aspek pembangunan modal insan. Sebagai sebuah gedung ilmu, PPBSN merupakan sebuah kompleks yang serba lengkap dengan kemudahan latihan dan riadah terletak di Bangi, Selangor. Dengan cogan kata "Pembelajaran Berterusan Membina Modal Insan Berpengetahuan", objektif utama pusat ini adalah untuk melahirkan kakitangan yang berkemahiran dan berupaya menjalankan tugas dan tanggungjawab mengikut amalan perbankan yang terbaik. Adalah diharapkan dengan adanya PPBSN, akan lebih menjamin kesinambungan usaha pemupukan ilmu, latihan serta peningkatan pengetahuan untuk semua warga BSN bagi menghadapi dunia perbankan tempatan yang lebih mencabar dan berdaya saing.

Statistik kursus-kursus yang dijalankan untuk tahun 2008 secara keseluruhan dalaman dan kursus luaran ialah sebanyak 272 program. Ianya dikategorikan kepada 4 jenis program kursus dan latihan untuk merealisasikan modal insan berilmu di kalangan warga BSN iaitu :-

i) Program Teras	: 84
ii) Program Pembangunan	: 24
iii) Program Elektif	: 162
iv) Program Pensijilan	: 2

Di antara Program Teras yang diadakan adalah seperti Program Pemantapan Pengurusan Kredit (Kerani Kredit), Program Kecemerlangan Perkeranian (Kerani Sokongan) dan Program Pemantapan Teller. Manakala di antara Program Pembangunan untuk warga BSN adalah *Transforming Leaders For Organizational Excellence* dan *Manager Development Programme*. Untuk Program Elektif di antara yang disediakan adalah seperti *An Entrepreneurial Approach to Credit Management & Debt Recovery*, *Occupational First Aid and CPR Training* dan *Info Security Symposium*.



"Pembelajaran Berterusan Membina Modal Insan Berpengetahuan."



PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR DISEMBER 2008

- SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
- PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL
- PENYATA PENERUSI DAN SALAH SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
- LAPORAN PARA PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
- LEMBARAN IMBANGAN
- PENYATA PENDAPATAN
- PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI PERUBAHAN DALAM EKUITI
- PENYATA ALIRAN TUNAI
- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN




SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Penyata kewangan Bank Simpanan Nasional bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.
3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2008, hasil operasi serta aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.
4. Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Bank Simpanan Nasional adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
5. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan disatukan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJILAMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 MAC 2009



PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL

Kami **DATO' SERI ABDUL AZIM BIN MOHD ZABIDI** dan **ADINAN BIN MANING** sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengurus Besar/Ketua Eksekutif yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Bank Simpanan Nasional, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas:)
DATO' SERI ABDUL AZIM BIN MOHD ZABIDI)
(No. K/P: 590711-08-5593))



dan)

ADINAN BIN MANING)
(No. K/P: 570710-10-5777))
di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan)
pada 19 MAC 2009)



Di hadapan saya,



No: 86, Tingkat Bawah
Jalan Putra
50350 KUALA LUMPUR

PENYATA PENERUSI DAN SALAH SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami **DATO' SERI ABDUL AZIM BIN MOHD ZABIDI** dan **ADINAN BIN MANING** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2008 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



DATO' SERI ABDUL AZIM BIN MOHD ZABIDI
PENERUSI



ADINAN BIN MANING
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Tarikh: 19 MAC 2009

LAPORAN PARA PENGARAH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka serta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi-fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman kepada pelanggan-pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama bagi anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 12.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama ini di sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat	227,253	233,002
Belanja cukai dan zakat	(64,856)	(64,755)
Keuntungan bersih tahun semasa	162,397	168,247

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

PARA PENGARAH BANK

Para Pengarah yang telah berkhidmat sejak tarikh terakhir laporan adalah:

- Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Azim bin Mohd Zabidi (Pengerusi)
- Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari
- Y. Bhg. Dato' Dr. Halim bin Man
- Y. Bhg. Dato' Mohd Ali bin Abd. Samad
- Y. Bhg. Dato' Ng Kam Cheung
- Y. Bhg. Dato' V. Danapalan
- Tuan Haji Ghazali bin Awang
- Encik Adinan bin Maning
- Dr. A. Manaf bin Hussin (silihganti kepada Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari)
- Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Padzil bin Hashim (dilantik pada 7 April 2008, silihganti kepada Y. Bhg. Dato' Dr. Halim bin Man)

LAPORAN PARA PENGARAH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

Kesemua ahli-ahli Lembaga adalah Para Pengarah Bukan-Eksekutif kecuali Adinan bin Maning. Empat daripada Para Pengarah Bukan-Eksekutif adalah juga Para Pengarah bebas. Kesemua ahli-ahli Lembaga adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

FAEDAH PENGARAH

Sejak akhir tahun Kewangan yang lepas, tiada Pengarah Bank yang telah menerima atau menjadi layak untuk menerima apa-apa faedah (selain dari faedah yang terkandung dalam jumlah ganjaran diterima atau terkumpul seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan atau pendapatan tetap sebagai pekerja sepenuh masa perbadanan induk) disebabkan oleh perjanjian yang dibuat oleh Bank atau pertubuhan yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan sebuah firma yang mana Pengarah adalah ahli, atau dengan syarikat dalam mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

MAKLUMAT BERKANUN YANG LAIN

Sebelum lembaran imbangan dan penyata pendapatan Kumpulan dan Bank disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya ke atas perkara-perkara berikut:

- (i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan secukupnya telah dibuat terhadap hutang ragu; dan
- (ii) semua aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan melalui urusan perniagaan biasa pada nilainya seperti yang ditunjukkan di dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Bank telah dikurangkan nilainya kepada amaun yang disyorkan boleh direalisasikan.

Sepanjang pengetahuan Para Pengarah, tidak wujud pada tarikh laporan ini sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:

- (i) yang menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskira atau jumlah peruntukan hutang ragu Kumpulan dan Bank tidak mencukupi dengan jumlah yang ketara; atau
- (ii) yang menyebabkan nilai aset semasa Kumpulan dan Bank dalam penyata kewangan mengelirukan; atau
- (iii) yang timbul sehingga cara menilai aset dan liabiliti sedia ada Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- (iv) yang sebaliknya tidak dilaporkan dalam laporan ini atau akaun yang menyebabkan sebarang jumlah dinyatakan dalam laporan kewangan Kumpulan dan Bank ini, mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank selepas berakhirnya tahun kewangan.

LAPORAN PARA PENGARAH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain bagi Kumpulan dan Bank yang telah menjadi dikuatkuasakan atau kemungkinan dikuatkuasakan, dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang pada pendapat Para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya kelak.

Para Pengarah berpendapat, keputusan perolehan operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 tidak dijejaskan dengan ketara oleh sebarang butiran, urusniaga atau kejadian yang telah berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga mengikut resolusi Para Pengarah.



.....
Dato' Seri Abdul Azim bin Mohd Zabidi
Pengerusi



.....
Adinan bin Maning
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 19 MAC 2009

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2008 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000	2007 RM'000
Aset					
Wang tunai dan dana jangka pendek	4	1,253,817	1,144,567	1,232,244	1,121,525
Deposit-deposit dan peletakan dengan bank-bank dan institusi kewangan lain	5	125,000	69,681	125,000	69,681
Sekuriti dipegang untuk dagangan	6	17,366	29,107	17,366	29,107
Sekuriti tersedia untuk jualan	7	749,188	300,245	749,188	300,245
Sekuriti dipegang hingga matang	8	6,302,129	6,132,474	6,235,735	6,065,036
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	9	7,804,191	6,691,942	7,804,191	6,691,942
Aset-aset lain	11	115,218	108,844	87,044	91,284
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	12	-	-	32,000	465,334
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	13	11,870	9,288	609	609
Hartanah, loji dan kelengkapan	14	256,197	236,852	247,787	232,366
Pajakan prabayar	15	85,553	86,614	85,553	86,614
Hartanah pelaburan	16	24,554	25,280	24,554	25,280
Aset cukai tertunda	23	73,010	36,220	73,028	36,241
Aset dana takaful am dan keluarga	41	140,985	67,812	-	-
Jumlah Aset		16,959,078	14,938,926	16,714,299	15,215,264
Liabiliti dan Ekuiti					
Deposit-deposit daripada pelanggan	17	14,910,024	12,948,525	14,910,113	12,948,525
Deposit-deposit dan peletakan oleh bank-bank dan institusi kewangan lain	18	493,634	462,665	507,859	476,465
Pinjaman daripada institusi	19	-	300,000	-	300,000
Pendapatan tertunda	20	69,900	-	69,900	-
Liabiliti-liabiliti lain	21	564,787	535,823	510,054	935,723
Peruntukan untuk cukai dan zakat	22	12,796	2,343	13,013	2,235
Liabiliti dana takaful am dan keluarga	41	44,973	24,032	-	-
Liabiliti dana pemegang polisi takaful am dan keluarga	41	96,012	43,780	-	-
Jumlah Liabiliti		16,192,126	14,317,168	16,010,939	14,662,948
Ekuiti		710,495	564,636	703,360	552,316
Kepentingan minoriti		56,457	57,122	-	-
Jumlah Ekuiti		766,952	621,758	703,360	552,316
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti		16,959,078	14,938,926	16,714,299	15,215,264
Komitmen dan Hal Luar Jangka	36a	405,413	381,310	405,413	381,310

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN

UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2008 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000	2007 RM'000
Hasil	24	985,631	997,005	851,407	939,444
Pendapatan faedah	25	583,050	489,040	580,314	486,414
Belanja faedah	26	(209,024)	(229,453)	(209,306)	(230,471)
Pendapatan faedah bersih		374,026	259,587	371,008	255,943
Pendapatan fi dan komisyen	27	198,537	119,046	83,293	73,017
Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam	40	168,282	136,847	168,282	136,847
Pendapatan operasi lain	28	35,762	252,072	19,518	243,166
Jumlah pendapatan bersih		776,607	767,552	642,101	708,973
Belanja personel	29	(253,743)	(217,925)	(244,350)	(211,473)
Overhed lain	30	(258,513)	(154,198)	(125,799)	(89,425)
Untung operasi sebelum peruntukan/kerugian kejejasan		264,351	395,429	271,952	408,075
Peruntukan untuk kerugian ke atas pinjaman dan pembiayaan	32	(8,950)	(123,798)	(8,950)	(123,798)
Kejejasan dimasukkan kira semula/(kerugian)	33	(30,730)	8,375	(30,000)	7,586
Untung operasi selepas peruntukan/kerugian kejejasan		224,671	280,006	233,002	291,863
Bahagian rugi selepas cukai dan kepentingan minoriti bagi ekuiti dikira milik syarikat bersekutu		2,582	(1,407)	-	-
Untung sebelum cukai dan zakat		227,253	278,599	233,002	291,863
Zakat		(3,057)	(1,200)	(3,057)	(1,200)
Belanja cukai	34	(61,799)	(7,808)	(61,698)	(7,848)
Untung bersih untuk tahun		162,397	269,591	168,247	282,815
Tertahan dalam Bank		163,062	275,949	168,247	282,815
Rugi disebabkan Kepentingan Minoriti		(665)	(6,358)	-	-
Untung bersih untuk tahun		162,397	269,591	168,247	282,815

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan.

PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI PERUBAHAN DALAM EKUITI

UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

Kumpulan	Tak boleh agih				Boleh agih			
	Rizab Am	Rizab Nilai Saksama	Rizab Modal	Rizab Penilaian Semula	Perolehan Tertahan	Rizab RM'000	Kepentingan Minoriti	Jumlah Ekuiti
Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2007	100,000	137,478	-	1,771	197,047	436,296	63,480	499,776
Untung untuk tahun	-	-	-	-	275,949	275,949	(6,358)	269,591
Penilaian semula hartanah, loji dan kelengkapan, selepas cukai	-	-	-	(49)	-	(49)	-	(49)
Kerugian bersih diiktiraf secara langsung dalam ekuiti	-	(147,560)	-	-	-	(147,560)	-	(147,560)
Jumlah pendapatan dan belanja teriktiraf untuk tahun	-	(147,560)	-	(49)	275,949	128,340	(6,358)	121,982
Pada 31 Disember 2007	100,000	(10,082)	-	1,722	472,996	564,636	57,122	621,758
Pada 1 Januari 2008	100,000	(10,082)	-	1,722	472,996	564,636	57,122	621,758
Untung untuk tahun	-	-	-	-	163,062	163,062	(665)	162,397
Penilaian semula hartanah, loji dan kelengkapan, selepas cukai	-	-	-	(132)	-	(132)	-	(132)
Kerugian bersih diiktiraf secara langsung dalam ekuiti	-	(17,071)	-	-	-	(17,071)	-	(17,071)
Jumlah pendapatan dan belanja teriktiraf untuk tahun	-	(17,071)	-	(132)	163,062	145,859	(665)	145,194
Pindahan kepada rizab modal*	-	-	84,124	-	(84,124)	-	-	-
Pada 31 Disember 2008	100,000	(27,153)	84,124	1,590	551,934	710,495	56,457	766,952

* Rizab modal adalah selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dengan memindahkan 50% daripada keuntungan selepas cukai.

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan.

PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI PERUBAHAN DALAM EKUITI

UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

Bank	Nota	Tak boleh agih			Boleh agih		Jumlah Ekuiti RM'000
		Rizab Am RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Modal RM'000	Rizab Penilaian Semula RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2007		100,000	137,478	-	1,771	177,861	417,110
Untung untuk tahun		-	-	-	-	282,815	282,815
Penilaian semula hartanah, loji dan kelengkapan, selepas cukai		-	-	-	(49)	-	(49)
Kerugian bersih diiktiraf secara langsung dalam ekuiti		-	(147,560)	-	-	-	(147,560)
Jumlah pendapatan dan belanja teriktiraf untuk tahun		-	(147,560)	-	(49)	282,815	135,206
Pada 31 Disember 2007		100,000	(10,082)	-	1,722	460,676	552,316
Pada 1 Januari 2008		100,000	(10,082)	-	1,722	460,676	552,316
Untung untuk tahun		-	-	-	-	168,247	168,247
Penilaian semula hartanah, loji dan kelengkapan, selepas cukai		-	-	-	(132)	-	(132)
Kerugian bersih diiktiraf secara langsung dalam ekuiti		-	(17,071)	-	-	-	(17,071)
Jumlah pendapatan dan belanja teriktiraf untuk tahun		-	(17,071)	-	(132)	168,247	151,044
Pindahan kepada rizab modal*		-	-	84,124	-	(84,124)	-
Pada 31 Disember 2008		100,000	(27,153)	84,124	1,590	544,800	703,360

* Rizab modal adalah selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dengan memindahkan 50% daripada keuntungan selepas cukai.

PENYATA ALIRAN TUNAI

UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

	Kumpulan		Bank	
	2008 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000	2007 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi				
Untung sebelum cukai dan zakat dan kepentingan minoriti	227,253	278,599	233,002	291,863
Pelarasan untuk:				
Pelunasan premium bersih	(11,599)	(6,049)	(11,599)	(6,049)
Susut nilai	35,562	32,500	33,054	30,584
Kerugian (masuk semula)/kekejangan hartanah, loji dan kelengkapan Hartanah, loji dan kelengkapan dihapus kira	-	(8,375)	-	(8,375)
Laba ke atas pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	(44)	(62)	(44)	(42)
Faedah tertanggung bersih	17,096	17,361	17,096	17,361
Peruntukan untuk hutang lapuk dan ragu	110,970	182,324	110,970	182,324
Peruntukan dimasukkan kira semula untuk hutang lapuk dan ragu	(62,436)	(62,831)	(62,436)	(62,831)
Peruntukan untuk hutang ragu bagi belum terima yang dimasukkan dalam aset-aset lain dimasukkan kira semula	914	(4,191)	914	(4,191)
Hutang lapuk dihapus kira	7,412	4,305	7,412	4,305
Bahagian (keuntungan)/kerugian tertahan dalam syarikat bersekutu	(2,582)	1,407	-	-
Laba belum terealisasi ke atas penilaian semula sekuriti dipegang untuk dagangan	12,887	435	12,887	435
Laba bersih daripada pelupusan sekuriti pelaburan	(2,512)	(213,599)	(2,512)	(213,599)
Kerugian/(Keuntungan) daripada pembubaran anak syarikat	5	-	(6,674)	-
Pendapatan dividen	(9,584)	(5,466)	(9,583)	(5,466)
Baki dibawa ke hadapan	323,419	217,395	322,541	227,356

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI (Sambungan)

UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

	Kumpulan		Bank	
	2008 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000	2007 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi (Sambungan)				
Baki dibawa dari hadapan	323,419	217,395	322,541	227,356
Kerugian kejejasan ke atas pelaburan dalam anak syarikat dimasuk kira semula	-	-	-	789
Rizab penyamaan untung	39,595	39,760	39,595	39,760
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja (Pengurangan)/Peningkatan deposit-deposit dan peletakan dengan institusi kewangan	363,014	257,155	362,136	267,905
	(55,319)	507,968	(55,319)	498,743
Peningkatan dalam pinjaman dan pendahuluan (Pengurangan)/Peningkatan dalam aset-aset lain	(1,185,291)	(1,781,030)	(1,185,291)	(1,781,030)
	(5,016)	(4,717)	5,407	11,666
Peningkatan/(Pengurangan) dalam deposit-deposit daripada pelanggan	1,961,499	(490,130)	1,961,588	(490,130)
Peningkatan dalam deposit-deposit dan peletakan institusi kewangan (Pengurangan)/Peningkatan dalam liabiliti-liabiliti lain	30,969	83,458	31,394	97,258
	(10,636)	109,306	(18,590)	88,086
Aliran tunai daripada/(digunakan dalam) operasi	1,099,220	(1,317,990)	1,101,325	(1,307,502)
Cukai dibayar	(80,722)	(29,674)	(80,513)	(29,143)
Zakat dibayar	(1,200)	(596)	(1,200)	(596)
Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi	1,017,298	(1,348,260)	1,019,612	(1,337,241)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan				
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	2,347	168	44	108
Pelaburan dalam syarikat subsidiari dibubarkan	-	-	433,334	-
Amaun terhutang kepada anak syarikat dibubarkan	-	-	(440,000)	-
Pembelian hartanah, loji dan kelengkapan	(55,632)	(16,434)	(46,874)	(14,810)
Bayaran pinjaman daripada institusi	(300,000)	-	(300,000)	-
Pembelian bersih sekuriti pelaburan	(6,174,775)	(6,798,952)	(6,174,774)	(6,798,952)
Dividen diterima	7,092	4,684	7,501	4,684
Hasil daripada pelupusan sekuriti pelaburan	5,543,020	7,632,954	5,541,976	7,609,995
Tunai bersih (digunakan dalam)/daripada aktiviti pelaburan	(977,948)	822,420	(978,793)	801,025

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI (Sambungan)

UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

	Kumpulan		Bank	
	2008 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000	2007 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan				
Geran pembangunan diterima daripada Kerajaan	69,900	-	69,900	-
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	69,900	-	69,900	-
Peningkatan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai	109,250	(525,840)	110,719	(536,216)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	1,144,567	1,670,407	1,121,525	1,657,741
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	1,253,817	1,144,567	1,232,244	1,121,525
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Mewakili:				
Wang tunai dan dana jangka pendek (Nota 4)	1,253,817	1,144,567	1,232,244	1,121,525

Nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan berdomisil di Malaysia. Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama operasinya adalah seperti berikut:

Wisma BSN,
117, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan disatukan setakat dan untuk tahun berakhir 31 Disember 2008 terdiri daripada Bank dan anak-anak syarikatnya (bersama dirujuk sebagai Kumpulan) dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu.

Aktiviti utama Bank adalah untuk menjalankan fungsi sebuah bank simpanan, iaitu untuk menerima dana dan untuk menyediakan pinjaman kepada pelanggan, termasuk Perbankan Islam. Manakala, aktiviti utama anak-anak syarikat tercatat di nota 12.

Tidak terdapat perubahan ketara dalam aktiviti Kumpulan dan Bank dalam tahun kewangan ini.

Penyata kewangan ini diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 19 Mac 2009.

1. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko utama Kumpulan bertujuan untuk melindungi modal dan meningkatkan keseluruhan keuntungan daripada sebarang kesan buruk sekiranya berlaku kerugian yang tidak dapat dielakkan daripada mana-mana komponen perniagaan Kumpulan melalui pengurusan risiko Kumpulan yang berkesan. Sehingga tahun ini, struktur pemantauan pengurusan risiko Bank dipertingkatkan, apabila Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko ditubuhkan dan Jabatan Pengurusan Risiko Bank melaporkan secara langsung kepada Jawatankuasa. Ahli Jawatankuasa terdiri daripada pengarah bebas dan pengarah bukan eksekutif.

(a) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah merujuk kemudahubahan pendapatan faedah bersih akibat perubahan dalam paras kadar faedah dan peralihan dalam komposisi aset dan liabiliti. Risiko kadar faedah diurus melalui analisis jurang kepekaan kadar faedah. Objektif pengurusan risiko kadar faedah adalah untuk memastikan Kumpulan memaksimumkan pulangan melalui keputusan strategik yang dibuat dengan pendedahan risiko kadar faedah yang berpatutan.

(b) Risiko kredit

Risiko kredit ialah potensi kehilangan hasil dan kerugian prinsipal dalam bentuk peruntukan khusus akibat mungkir pinjaman separa atau sepenuhnya oleh peminjam. Kumpulan mengurus risiko kreditnya melalui penilaian kredit yang betul, analisis kolateral dan pembayaran balik dan pengasingan pihak berkuasa melulus. Objektif pengurusan risiko kredit adalah untuk memastikan bahawa aktiviti kredit dijalankan dengan cara yang betul bagi meminimumkan pendedahan risiko.

(c) Risiko kecairan

Risiko kecairan berkaitan dengan aktiviti untuk mengekalkan aset cair yang mencukupi untuk memenuhi komitmen dan kewajipan kewangannya apabila telah tamat tempohnya, dengan cara yang berkesan dari segi kos.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

1. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (Sambungan)

(c) Risiko kecairan (Sambungan)

Adalah menjadi dasar Kumpulan untuk mengekalkan kecairan yang mencukupi untuk membiayai operasi harian dan untuk memenuhi kewajipannya kepada penyimpan dan peminjam. Risiko kecairan dikawal melalui analisis jurang kecairan.

(d) Risiko operasi

Risiko operasi ialah risiko kerugian langsung dan tidak langsung akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem.

Kumpulan telah membentuk dasar dan prosedur yang bersesuaian dengan objektif untuk meminimumkan kerugian akibat risiko operasi.

(e) Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah risiko berkaitan dengan turun naik nilai pelaburan pendapatan tetap dan ekuiti akibat perubahan dalam harga pasaran. Dalam kes pelaburan pendapatan tetap, perubahan sedemikian disebabkan oleh perubahan kadar faedah atau pengadaran. Bagi pelaburan ekuiti, perubahan sedemikian disebabkan oleh faktor yang khusus kepada satu-satu syarikat atau faktor yang mempengaruhi saham yang didagangkan di pasaran.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Kenyataan pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (LPPM) seperti yang diubahsuaikan oleh Bank Negara Malaysia, prinsip perakaunan yang secara umumnya diterima di Malaysia, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, Akta Takaful 1984 dan keperluan Syariah, jika berkaitan.

Berikut adalah Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) dan Interpretasi IC telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (LPPM) pada tarikh kunci kira-kira tetapi masih belum digunapakai oleh Kumpulan dan Bank dan masih belum berkuat kuasa:

		Tarikh berkuatkuasa
FRS 4	Kontrak Insurans	1 Januari 2010
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan	1 Januari 2010
FRS 8	Segmen Operasi	1 Julai 2009
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	1 Januari 2010
Interpretasi IC 9	Penilaian semula Derivatif Terbenam	1 Januari 2010
Interpretasi IC 10	Pelaporan Kewangan Interim dan Pengurangan Nilai	1 Januari 2010

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

(a) Kenyataan pematuhan (Sambungan)

FRS dan Interpretasi IC yang telah dikeluarkan tetapi yang Kumpulan dan Bank tidak menerima pakai lebih awal adalah seperti berikut:

- (i) FRS 4 Kontrak Insurans – piawaian baru ini memperincikan keperluan-keperluan pelaporan kewangan bagi kontrak insurans oleh mana-mana entiti yang mengeluarkan kontrak tersebut. Terutamanya, ia memerlukan pendedahan yang mengenal pasti dan menjelaskan jumlah-jumlah dalam penyata kewangan penginsurans berikutan daripada kontrak insurans dan membantu pengguna penyata kewangan tersebut memahami jumlah, waktu dan ketidaktentuan aliran tunai masa depan daripada kontrak insurans. Pemakaian piawaian ini dijangka tidak mempunyai apa-apa kesan penting ke atas keputusan kewangan Kumpulan. Kesan daripada pemakaian FRS 4 ke atas penyata kewangan apabila piawaian ini diterima pakai untuk pertama kalinya seperti yang diperlukan dalam perenggan 30(b) FRS 108 Dasar-dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan tidak perlu didedahkan menurut pengecualian yang diperuntukkan di dalam perenggan 41AA dalam FRS 4.
- (ii) FRS 7 Pendedahan Instrumen Kewangan – piawaian baru ini memerlukan pendedahan dalam penyata kewangan yang membolehkan pengguna menilai kepentingan instrumen kewangan bagi kedudukan kewangan dan prestasi entiti, dan bentuk dan setakat mana risiko berikutan instrumen kewangan yang mana sesuatu entiti itu terdedah dan bagaimana risiko-risiko tersebut diuruskan. Piawaian ini memerlukan kedua-dua pendedahan kualitatif yang menerangkan matlamat pengurusan, dasar-dasar dan proses bagi menguruskan risiko-risiko tersebut dan pendedahan kuantitatif yang menyediakan maklumat mengenai sejauh mana sesuatu entiti itu terdedah kepada risiko, berdasarkan maklumat dalam yang diberi kepada kakitangan pengurusan utama entiti berkenaan. Sesuatu entiti hendaklah tidak menerima pakai piawaian ini bagi tempoh tahunan mulai daripada sebelum 1 Januari 2010 melainkan ia menerima pakai FRS 139. Pemakaian piawaian ini dijangka tidak mempunyai kesan penting ke atas keputusan kewangan Kumpulan dan Bank kerana piawaian ini hanyalah berkaitan dengan pendedahan dalam penyata kewangan.
- (iii) FRS 8 Segmen Operasi – piawaian baru ini memerlukan pendedahan maklumat kewangan segmen operasi sebuah entiti. Ia adalah perlu disediakan berdasarkan asas “pendekatan pengurusan”, yang memerlukan pengemukaan segmen berdasarkan laporan dalaman mengenai komponen entiti yang kerap dikaji semula oleh ketua pembuat dasar operasi untuk mengagihkan sumber-sumber kepada sesuatu segmen dan menilai prestasinya.
- (iv) FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran – piawaian ini mewujudkan prinsip-prinsip bagi pengiktirafan, penolakan nyah pengiktirafan dan pengukuran instrumen kewangan suatu entiti dan bagi perakaunan lindung nilai. Kesan daripada penerimaan pakai FRS 139 ke atas penyata kewangan apabila piawaian ini diterima pakai untuk pertama kali seperti yang diperlukan dalam perenggan 30(b) FRS 108 Dasar-dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan tidak perlu didedahkan menurut pengecualian yang diperuntukkan di bawah perenggan 103AB dalam FRS 139.

Berkuat kuasa 1 Januari 2005, apabila Kumpulan dan Bank menerima pakai BNM/GP8 yang dipinda oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) – Garis panduan mengenai Pelaporan Kewangan, beberapa prinsip berkaitan dengan pengiktirafan, nyah pengiktirafan dan pengukuran instrumen kewangan serta perakaunan lindung nilai yang serupa dengan ditetapkan oleh FRS 139 telah diterima pakai oleh Kumpulan dan Bank. Dasar-dasar perakaunan ini dinyatakan dalam Nota 3 (d) kepada penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

(a) Kenyataan pematuhan (Sambungan)

- (v) Interpretasi IC 9 Penilaian semula Derivatif Terbenam – interpretasi ini menjelaskan bahawa penilaian semula derivatif terbenam selepas pengiktirafan awalnya adalah dilarang melainkan terma-terma instrumen telah diubah dan ini mempunyai kesan ketara ke atas aliran tunai. Interpretasi IC ini dijangka tidak mempunyai apa-apa kesan yang penting ke atas penyata kewangan tahunan Kumpulan dan Bank.
- (vi) Interpretasi IC 10 Pelaporan Kewangan Interim dan Pengurangan Nilai – interpretasi ini menjelaskan bahawa sesuatu entiti tidak boleh membalikkan kerugian nilai atas muhibah dan pelaburan dalam instrumen ekuiti dan aset kewangan dibawa pada kos yang diiktiraf dalam tempoh interim. Interpretasi ini tidak diterima pakai ke atas penyata kewangan tahunan Kumpulan dan Bank.

(b) Asas ukuran

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan asas kos sejarah melainkan bagi aset seperti dijelaskan dalam nota dasar perakaunan mereka:

- Sekuriti dipegang untuk dagangan
- Sekuriti tersedia untuk jualan

(c) Mata wang fungsian dan dipersembahkan

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu fungsi matawang Bank. Semua maklumat kewangan dipersembahkan dalam RM telah dibundarkan ke nilai ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar kemungkinan berbeza daripada anggaran.

Anggaran dan andaian yang mendasarinya dikaji semula secara berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh anggaran itu disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa hadapan yang terlibat.

Terutamanya, maklumat tentang bahagian penting penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun diiktiraf dalam penyata kewangan yang diterangkan dalam nota berikut:

- Nota 3(f)-peruntukan untuk hutang lapuk dan ragu

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna secara konsisten oleh entiti Kumpulan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas penyatuan

(i) Anak-anak syarikat

Anak-anak syarikat adalah entiti yang dikawal oleh Kumpulan. Kawalan wujud apabila Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti agar mendapat manfaat daripada aktivitiinya. Dalam menilai kawalan, potensi hak mengundi yang ketika ini boleh dilaksanakan diambil kira.

Penyata kewangan anak-anak syarikat dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh kawalan tersebut bermula, sehingga ke tarikh kawalan tersebut terhenti.

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan dalam lembaranimbangan Bank pada kos tolak kerugian kejejasan, melainkan pelaburan tersebut diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan (atau dimasukkan dalam kumpulan pelupusan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan).

Kepentingan minoriti pada tarikh lembaranimbangan yang merupakan bahagian aset bersih anak-anak syarikat disebabkan oleh kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki oleh Bank, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui anak-anak syarikat, dibentangkan dalam lembaranimbangan disatukan dan penyata perubahan ekuiti dalam ekuiti, berasingan daripada ekuiti disebabkan oleh pemegang saham ekuiti Bank.

Kepentingan minoriti dalam keputusan Kumpulan dibentangkan pada muka penyata pendapatan disatukan sebagai pengurangan jumlah keuntungan atau kerugian untuk tahun itu antara kepentingan minoriti dengan pemegang saham ekuiti Bank.

Jika kerugian berkaitan dengan minoriti melebihi kepentingan minoriti dalam ekuiti anak-anak syarikat, amaun berlebihan itu, dan sebarang kerugian selanjutnya berkaitan dengan minoriti, dicaj berdasarkan kepentingan Kumpulan kecuali setakat minoriti tersebut mempunyai kewajipan terikat untuk, dan berupaya untuk, membuat pelaburan tambahan bagi menutupi kerugian itu.

Jika anak-anak syarikat itu seterusnya melaporkan keuntungan, maka kepentingan Kumpulan diperuntukkan kesemua untung sedemikian sehingga bahagian kerugian minoriti yang sebelumnya diserap oleh Kumpulan telah dipulihkan.

(ii) Sekutu

Sekutu adalah entiti, termasuk entiti tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh besar tetapi bukan kawalan, ke atas dasar kewangan dan operasi.

Sekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti melainkan ia diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan (atau dimasukkan dalam kumpulan pelupusan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan). Penyata kewangan disatukan termasuk bahagian Kumpulan dalam pendapatan dan belanja bagi ekuiti dikira milik syarikat bersekutu, selepas pelarasan untuk menyelaraskan dasar perakaunan dengan yang digunakan oleh Kumpulan, dari tarikh pengaruh ketara tersebut bermula sehingga ke tarikh pengaruh ketara tersebut berakhir.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(a) Asas penyatuan (Sambungan)

(ii) Sekutu (Sambungan)

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam ekuiti dikira milik syarikat bersekutu, amaun dibawa bagi kepentingan tersebut (termasuk sebarang pelaburan jangka panjang) dikurangkan ke kosong dan pengiktirafan kerugian seterusnya dihentikan kecuali setakat yang Kumpulan mempunyai kewajipan atau telah membuat bayaran bagi pihak penerima pelaburan.

Pelaburan dalam sekutu dinyatakan dalam lembaran imbalan Bank pada kos tolak kerugian kejejasan, melainkan pelaburan tersebut diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan (atau dimasukkan dalam kumpulan pelupusan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan).

(iii) *Urus niaga ditamatkan apabila disatukan*

Baki dalam kumpulan dan sebarang pendapatan dan belanja belum terealisasi yang timbul daripada urus niaga dalam kumpulan, ditamatkan semasa menyediakan penyata kewangan disatukan.

Laba belum terealisasi yang timbul daripada urus niaga dengan pihak penerima pelaburan yang ekuitinya dikira disingkirkan daripada pelaburan tersebut setakat kepentingan Kumpulan dalam pihak penerima pelaburan. Kerugian belum terealisasi disingkir dengan cara yang sama dengan laba belum terealisasi tetapi hanya setakat yang tidak terdapat bukti kejejasan.

(b) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian mengikut entiti Kumpulan masing-masing pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti monetari dalam mata wang asing pada tarikh lembaran imbalan ditukarkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut. Aset dan liabiliti bukan monetari dalam mata wang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan. Perbezaan mata wang asing disebabkan oleh pertukaran semula ini diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(c) Wang tunai dan kesetaraan tunai

Wang tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai dan baki bank di bank-bank dan institusi kewangan lain serta dana jangka pendek.

(d) Sekuriti

Pelaburan dalam sekuriti Kumpulan dan Bank diklasifikasikan menurut kategori berikut, bergantung pada tujuan sekuriti tersebut diperolehi.

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(d) Sekuriti (Sambungan)

(i) *Sekuriti dipegang untuk dagangan*

Sekuriti diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan jika aset kewangan ini diperoleh terutamanya untuk tujuan mendapat manfaat daripada pergerakan harga jangka pendek sebenar atau dijangka, atau untuk mengunci untung arbitraj. Sekuriti dipegang untuk dagangan dinyatakan pada nilai saksama dan sebarang laba atau kerugian yang timbul akibat perubahan dalam nilai saksamanya, dan penyahiktirafan sekuriti dipegang untuk dagangan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Nilai saksama sekuriti disebuttharga diperoleh daripada harga bida pasaran.

(ii) *Sekuriti dipegang hingga matang*

Sekuriti dipegang hingga matang adalah aset kewangan yang mempunyai bayaran tetap atau boleh ditentukan dan dengan kematangan tetap yang Kumpulan dan Bank mempunyai tujuan positif dan berupaya untuk memegangnya hingga matang. Saham tak disebuttharga dalam organisasi yang ditubuhkan untuk tujuan sosioekonomi dan instrumen ekuiti yang diterima hasil penstrukturan semula pinjaman atau pertukaran pinjaman yang tidak mempunyai harga pasaran sebutan dalam pasaran aktif dan yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, juga diklasifikasikan sebagai sekuriti dipegang hingga matang.

Sekuriti dipegang hingga matang diukur pada kos ditambah/terlunas berdasarkan kaedah kadar hasil efektif. Pelunasan premium, pertambahan diskaun dan kejejasan serta laba atau kerugian yang timbul akibat penyahiktirafan sekuriti dipegang hingga matang, diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sebarang jualan pengelasan semula sejumlah besar sekuriti dipegang hingga matang yang jauh dari kematangannya akan mengakibatkan pengelasan semula semua sekuriti dipegang hingga matang kepada sekuriti tersedia untuk jualan dan menghalang Kumpulan dan Bank daripada mengelaskan sekuriti daripada kelas yang sama sebagai sekuriti dipegang hingga matang untuk tahun kewangan semasa dan dua tahun berikutnya.

(iii) *Sekuriti tersedia untuk jualan*

Sekuriti tersedia untuk jualan adalah aset kewangan yang tidak diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan atau dipegang hingga matang. Sekuriti tersedia untuk jualan diukur pada nilai saksama atau pada kos (tolak kerugian kejejasan) jika nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti. Sebarang laba atau kerugian akibat perubahan dalam nilai saksama diiktiraf secara langsung dalam ekuiti melalui penyata perubahan dalam ekuiti, sehingga aset kewangan itu dijual, dipungut, dilupuskan atau terjejas, yang pada masa itu, laba atau kerugian kumulatif yang dahulunya diiktiraf dalam ekuiti akan dipindahkan ke penyata pendapatan.

(e) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dinyatakan pada kos tolak sebarang peruntukan untuk hutang dan pembiayaan lapuk dan ragu.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(f) Peruntukan untuk hutang lapuk dan ragu

Peruntukan khas diwujudkan bagi pinjaman dan pembiayaan tak berbayar yang telah dikaji semula secara berasingan dan dikenal pasti secara khusus sebagai subpiawai, ragu atau lapuk.

Peruntukan am berdasarkan peratus daripada portfolio pinjaman dan pembiayaan juga disediakan untuk menutup kemungkinan kerugian yang tidak dikenal pasti secara khusus.

Pinjaman dan pembiayaan atau sebahagian pinjaman dan pembiayaan tak boleh pungut yang diklasifikasikan sebagai lapuk akan dihapus kira selepas mengambil kira nilai boleh realisasi cagaran, jika ada, apabila dalam pertimbangan pengurusan, tidak mempunyai prospek untuk pemulihan.

(g) Aset-aset lain

Belum terima pada awalnya diiktiraf pada kosnya apabila hak berkontrak untuk menerima wang tunai atau aset kewangan lain daripada entiti lain ditentukan.

Lanjutan kepada pengiktirafan awal, belum terima dinyatakan pada kos tolak peruntukan untuk hutang ragu.

Belum terima tidak dipegang untuk tujuan dagangan.

Hutang lapuk yang diketahui untuk perniagaan Takaful dihapus kira dan peruntukan khusus dibuat untuk sebarang premium belum jelas atau baki insurans semula yang masih belum berbayar lebih daripada 6 bulan dari tarikh ia menjadi belum terima, dan untuk semua hutang yang dianggap ragu.

(h) Hartanah, loji dan kelengkapan dan susut nilai

(i) Pengiktirafan dan ukuran

Butiran hartanah, loji dan kelengkapan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kejejasan.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung disebabkan oleh pemerolehan aset tersebut. Kos aset yang dibina sendiri termasuk kos bahan dan pekerja langsung, sebarang kos lain yang secara langsung digunakan agar aset dapat berfungsi untuk tujuan penggunaannya, dan kos untuk membuka dan menanggalkan peralatan ini dan memulihkan tapak di mana hartanah, loji dan kelengkapan ditempatkan. Perisian yang dibeli yang merupakan perkara penting supaya kelengkapan berkaitan dapat berfungsi dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kelengkapan tersebut.

Kos hartanah, loji dan kelengkapan yang diiktiraf hasil daripada gabungan perniagaan adalah berdasarkan nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Nilai saksama harta ialah anggaran amaun untuk sesuatu harta boleh diniagakan pada tarikh penilaian, antara seorang pembeli bersedia dengan seorang penjual bersedia dalam satu urus niaga tulus setelah pemasaran yang betul dilakukan apabila setiap pihak telah bertindak secara bijak, berhemat dan tanpa paksaan. Nilai saksama bagi butiran lain berkenaan dengan loji dan kelengkapan adalah berdasarkan harga pasaran sebutan untuk butiran serupa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(h) Hartanah, loji dan kelengkapan dan susut nilai (Sambungan)

(i) Pengiktirafan dan ukuran (Sambungan)

Bagi hartanah, loji dan kelengkapan yang telah disusutnilai sepenuhnya mengikut jangka hayatnya dan hartanah, loji dan kelengkapan berkenaan masih diperolehi manfaat ekonominya adalah dinilai berdasarkan nilai saksama pada tarikh pelaporan tahunan.

Apabila bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan mempunyai jangka hayat berguna yang berbeza, ia diambil kira sebagai butiran berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan kelengkapan.

(ii) Pengelasan semula ke hartanah pelaburan

Apabila kegunaan sesebuah harta berubah daripada huni sendiri kepada hartanah pelaburan, harta tersebut diukur pada kos dan dikelaskan semula sebagai hartanah pelaburan.

(iii) Kos berikutan

Kos untuk menggantikan bahagian sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam amaun dibawa bagi butiran tersebut jika ada kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke Kumpulan dan kosnya boleh diukur dengan pasti. Kos penyelenggaraan hari ke hari hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai tertanggung.

(iv) Susut nilai

Susut nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat berguna setiap bahagian sesebuah butiran hartanah, loji dan kelengkapan. Aset pajakan disusut nilai di sepanjang tempoh yang lebih pendek di antara tempoh pajakan dengan hayat berguna hartanah, loji dan kelengkapan. Tanah pegangan kekal tidak disusut nilai. Hartanah, loji dan kelengkapan dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut tersedia untuk tujuan penggunaannya.

Anggaran hayat berguna untuk tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

- bangunan 50 tahun
- loji dan peralatan 5-7 tahun
- perabot dan kelengkapan 5-7 tahun
- komponen utama 25-30 tahun
- pengubahsuaian 7 tahun

Amaun boleh susut nilai ditentukan selepas menolak nilai sisa.

Kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa dinilai semula pada tarikh melapor.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(i) Kejejasan aset

Amaun dibawa bagi aset Kumpulan kecuali untuk aset cukai tertunda, aset kewangan (selain sekuriti dipegang hingga matang dan tersedia untuk jualan) dan hartanah pelaburan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbalan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kejejasan. Jika terdapat sebarang petunjuk sedemikian, amaun boleh-pulih aset dianggarkan dan kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Dasar tentang kejejasan aset diringkaskan seperti berikut:

(i) *Sekuriti dipegang hingga matang*

Untuk sekuriti dibawa pada kos terlunas yang terdapat bukti kejejasan yang jelas, kerugian kejejasan diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa sekuriti dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan terserap pada kadar faedah asal sekuriti yang berkesan. Amaun kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Penarikbalikan kerugian kejejasan berikutnya diiktiraf apabila penurunan ini boleh secara objektif dikaitkan kepada satu peristiwa yang terjadi selepas kejejasan diiktiraf, sehingga amaun dibawa sekuriti tidak melebihi kos terlunasnya jika tiada kejejasan telah diiktiraf. Penarikbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Untuk sekuriti dibawa pada kos, kerugian kejejasan diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa sekuriti dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan terserap pada kadar pulangan pasaran semasa untuk sekuriti yang serupa. Amaun kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan kerugian kejejasan sedemikian tidak dibalikkan berikutan pengiktirafannya.

(ii) *Sekuriti tersedia untuk jualan*

Bagi sekuriti tersedia untuk jualan yang terdapat bukti kejejasan yang jelas, kerugian kejejasan kumulatif yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti akan dipindahkan dari ekuiti ke penyata pendapatan, walaupun sekuriti belum dinyahiktiraf. Kerugian kejejasan kumulatif diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan (selepas sebarang bayaran balik prinsipal dan pelunasan) dengan nilai saksama semasa, tolak sebarang kerugian kejejasan yang sebelum ini diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kerugian kejejasan ke atas pelaburan dalam instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai tersedia untuk jualan tidak dibalikkan berikutan pengiktirafannya. Penarikbalikan kerugian kejejasan ke atas instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan jika peningkatan dalam nilai saksama boleh secara objektif dikaitkan dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian kejejasan dalam penyata pendapatan.

(iii) *Muhibah*

Muhibah yang mempunyai hayat berguna tidak terhad diuji setiap tahun untuk kejejasan, atau secara lebih kerap jika peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan yang ia mungkin terjejas. Untuk ujian kejejasan, muhibah daripada gabungan perniagaan diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai ("CGU") yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi gabungan perniagaan.

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(i) Kejejasan aset (Sambungan)

(iii) Muhibah (Sambungan)

Amaun boleh-pulih ditentukan untuk setiap CGU berdasarkan nilainya dalam penggunaan. Dalam mentaksir nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan terserap kepada nilai semasa anggaran tersebut menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penaksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset tersebut.

Kerugian kejejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila amaun dibawa bagi CGU, termasuk muhibah, melebihi amaun boleh-pulih CGU. Jumlah kerugian kejejasan diagihkan, pertama, untuk mengurangkan amaun dibawa muhibah yang diperuntukkan kepada CGU dan kemudiannya kepada aset CGU lain atas dasar pro rata.

(iv) Aset-aset lain

Aset-aset lain seperti hartanah dan kelengkapan, pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu dikaji semula untuk petunjuk kejejasan yang sebenar pada setiap tarikh lembaran imbangan atau apabila terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset ini mungkin terjejas. Jika terdapat petunjuk sedemikian, kerugian kejejasan ditentukan sebagai lebih daripada nilai dibawa aset mengatasi amaun boleh pulihnya (yang lebih besar antara nilai dalam kegunaan atau nilai saksama tolak kos untuk dijual) dan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sebarang penarikbalikan kerugian kejejasan untuk aset-aset ini diiktiraf dalam penyata pendapatan. Amaun dibawa dinaikkan kepada amaun boleh-pulih tersemaknya, dengan syarat amaun tersebut tidak melebihi amaun dibawa yang sepatutnya telah ditentukan (selepas pelunasan atau susut nilai) jika tiada kerugian kejejasan diiktiraf untuk aset-aset tersebut pada tahun-tahun sebelumnya.

(j) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah harta yang dimiliki atau dipegang di bawah kepentingan pegangan pajak untuk memperoleh pendapatan sewaan atau untuk menambah nilai modal atau untuk kedua-duanya. Ini termasuk tanah dipegang untuk kegunaan masa hadapan yang belum ditentukan buat masa ini. Harta yang dihuni oleh syarikat dalam Kumpulan diambil kira sebagai huni sendiri dan bukan sebagai hartanah pelaburan.

Hartanah pelaburan yang dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kejejasan, selaras dengan dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan kelengkapan seperti yang dinyatakan dalam nota dasar perakaunan.

Susut nilai dicaj kepada penyata pendapatan atas dasar garis lurus di sepanjang anggaran hayat berguna di antara 25 hingga 50 tahun.

(k) Tanah pegangan pajak/Pajakan prabayar

Tanah pegangan pajak yang biasanya mempunyai hayat ekonomi tidak terhad dan yang hak miliknya tidak mungkin akan berpindah kepada penerima pajak pada akhir tempoh pajakan dianggap sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat sebaik sahaja memasuki atau memperoleh tanah pegangan pajak diambil kira sebagai bayaran pajakan prabayar yang terlunas sepanjang tempoh pajakan menurut corak manfaat yang diperuntukkan kecuali untuk tanah pegangan pajak yang diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(l) Muhibah

Muhibah/(muhibah negatif) timbul dengan pemerolehan anak syarikat, sekutu dan usaha sama.

Muhibah diukur pada kos dan tidak lagi terlunas tetapi diuji untuk kejejasan sekurang-kurangnya setiap tahun atau lebih kerap lagi apabila terdapat bukti benar kejejasan. Apabila berlebihan adalah negatif (muhibah negatif), ia diiktiraf dengan serta-merta dalam penyata pendapatan.

Muhibah diperuntukkan kepada unit penajaan tunai dan diuji setiap tahun untuk kejejasan atau dengan lebih kerap lagi jika peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa ia mungkin terjejas.

Dari segi ekuiti dikira milik penerima pelaburan, amaun dibawa muhibah dimasukkan ke dalam amaun dibawa pelaburan. Keseluruhan amaun dibawa pelaburan diuji untuk kejejasan apabila terdapat bukti benar kejejasan.

(m) Deposit-deposit daripada pelanggan

Deposit-deposit daripada pelanggan dinyatakan pada nilai peletakan dan dilaraskan untuk faedah terakru.

(n) Peminjaman daripada Institusi

Peminjaman daripada institusi dinyatakan pada kos.

(o) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, hasil peristiwa masa lampau, Kumpulan mempunyai kewajipan perundangan atau konstruktif masa kini yang boleh dengan pasti, dan berkemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut. Peruntukan ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan yang dijangka pada kadar sebelum cukai yang mencerminkan penaksiran pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus untuk liabiliti tersebut.

Liabiliti Luar Jangka

Jika ada kemungkinan bahawa aliran keluar manfaat ekonomi tidak akan diperlukan, atau amaunnya tidak dapat dianggarkan dengan pasti, kewajipan ini dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi tidak berkaitan. Kewajipan yang mungkin, yang kewujudannya akan hanya disahkan dengan kejadian atau tiada kejadian satu peristiwa masa hadapan atau lebih, juga dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi tidak berkaitan.

Jika Bank mengikat kontrak jaminan kewangan untuk menjamin keberhutangan pihak lain dalam kumpulannya, maka Bank menganggap ini sebagai perancangan insurans, dan ia diambil kira sebagai sedemikian. Dari segi ini, Bank menganggap kontrak jaminan sebagai liabiliti luar jangka sehingga ke suatu masa ia menjadi mungkin yang Bank perlu membuat bayaran di bawah jaminan tersebut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(p) Amaun perlu dibayar

Amaun perlu dibayar diukur pada awalnya dan berikutnya pada kos. Amaun perlu dibayar diiktiraf apabila terdapat kewajipan berkontrak untuk menyerahkan wang tunai atau aset kewangan lain kepada entiti lain.

(q) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan.

Jika akaun diklasifikasikan sebagai tak berbayar, faedah digantung dan ditolak balik ke hari pertama sehingga ia direalisasikan atas dasar tunai. Akaun pelanggan diklasifikasikan sebagai tak berbayar apabila bayaran tertunggak selama enam bulan atau lebih dari hari pertama mungkir untuk pinjaman dan pendahuluan, kecuali untuk akaun kad kredit, yang diklasifikasikan sebagai tak berbayar apabila bayaran tertunggak untuk tempoh lebih daripada tiga bulan.

Dasar berkaitan dengan penggantungan faedah adalah menurut arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia tentang "Garis Panduan tentang Penggantungan Faedah ke atas Pinjaman Tak Berbayar dan Peruntukan untuk Hutang Lapuk dan Ragu, BNM/GP3".

Pendapatan daripada pelbagai aktiviti Kumpulan dan Bank diakru menggunakan asas berikut:

(i) *Pendapatan faedah*

- (a) Pendapatan faedah ke atas sewa beli diiktiraf berasaskan kaedah "angka hasil tambah".
- (b) Pendapatan faedah ke atas pinjaman perumahan dan pinjaman bertempoh diiktiraf dengan rujukan kepada tempoh rehat yang sama ada secara bulanan, suku tahunan atau tahunan.
- (c) Pendapatan faedah daripada sekuriti hutang swasta yang diiktiraf atas dasar akruan.

(ii) *Pendapatan pelaburan*

- (a) Pertambahan diskaun dan pelunasan premium ke atas sekuriti pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa terhadap tarikh kematangan yang mengambil kira kadar hasil efektif ke atas sekuriti pelaburan.

(iii) *Pendapatan dividen*

- (a) Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat bersekutu dan pelaburan lain yang diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran ditentukan.

(iv) *Pendapatan Fi*

- (a) Fi ke atas pelbagai perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada pelanggan diiktiraf pada permulaan urusan niaga tersebut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(q) Pengiktirafan pendapatan (Sambungan)

(v) *Pendapatan peletakan dan pembiayaan Islam*

- (a) Pendapatan yang diperoleh daripada pembiayaan Bai-Bithamil Ajil diiktiraf atas dasar akruan.
- (b) Pendapatan daripada peletakan dengan institusi kewangan di bawah prinsip Syariah diiktiraf atas dasar akruan.

(vi) *Komisen*

Apabila Kumpulan bertindak sebagai ejen bukan sebagai prinsipal dalam sesuatu urusan niaga, hasil teriktiraf ialah amaun bersih komisen yang dibuat oleh Kumpulan.

(vii) *Geran pembangunan kerajaan*

Penerimaan geran pembangunan kerajaan adalah diambilkira sebagai pendapatan tertunda dan amaun susutnilai tahunan ke atas harta-harta yang dibiayai oleh geran tersebut adalah diiktiraf sebagai pendapatan bagi keseluruhan jangkamasa penggunaan harta-harta berkenaan.

(viii) *Pengiktirafan hasil yang lain*

Keperluan lain dalam perniagaan Takaful diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar hasil efektif aset.

(r) Rizab penyamaan untung ("PER") untuk Skim Perbankan Islam

Rizab penyamaan untung ialah amaun yang disediakan agar dapat mengekalkan paras pulangan tertentu untuk disimpan sebagai memenuhi Garis Panduan Bank Negara Malaysia - "Rangka Kerja Kadar Pulangan". PER ditolak pada amaun maksimum 15% daripada jumlah pendapatan kasar dan pada kadar 30% atau lebih daripada jumlah dana modal perbankan Islam.

(s) Pengiktirafan faedah, pembiayaan dan belanja berkaitan

Belanja faedah dan untung disebabkan (ke atas aktiviti-aktiviti berkaitan dengan perniagaan SPI) ke atas deposit-deposit dan pinjaman Kumpulan dan Bank, dianggap sebagai tertanggung dan diiktiraf atas dasar akruan.

(t) Manfaat pekerja

(i) *Manfaat jangka pendek*

Kewajipan manfaat pekerja jangka pendek dari segi gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur atas dasar tidak terdiskaun dan dibelanjakan memandangkan perkhidmatan berkaitan disediakan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(t) Manfaat pekerja (Sambungan)

(i) Manfaat jangka pendek (Sambungan)

Peruntukan diiktiraf bagi amaun yang dijangka akan dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek atau rancangan perkongsian untung jika Kumpulan mempunyai kewajipan perundangan atau konstruktif semasa untuk membayar amaun ini akibat perkhidmatan lampau yang diberikan oleh pekerja dan kewajipan itu boleh dijangkakan dengan pasti.

Sumbangan Kumpulan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dicaj kepada penyata pendapatan dalam tahun ia berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan dibuat, Kumpulan tiada lagi kewajipan bayaran selanjutnya.

(ii) Manfaat penamatan

Manfaat penamatan diiktiraf sebagai belanja apabila Kumpulan komited dengan ketara, tanpa kemungkinan realistik untuk menarik balik, kepada rancangan terperinci rasmi untuk menamatkan penggajian sebelum tarikh persaraan biasa. Manfaat penamatan untuk lebih sukarela diiktiraf jika Kumpulan membuat tawaran menggalakkan lebih sukarela, yang kemungkinan tawaran itu akan diterima, dan bilangan penerimaan boleh dijangka dengan pasti.

(u) Belanja cukai

Belanja cukai terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Belanja cukai diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali setakat ia berkaitan dengan butiran yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, yang dalam kes ini, ia diiktiraf dalam ekuiti.

Cukai semasa ialah cukai dijangka perlu dibayar ke atas pendapatan boleh cukai untuk tahun itu, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal sebahagiannya pada tarikh lembaran imbalan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah lembaran imbalan, dan memberikan perbezaan sementara antara amaun dibawa bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti untuk tujuan melapor dengan amaun yang digunakan untuk tujuan pencukaaian. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam satu urusan niaga yang bukan gabungan perniagaan dan yang tidak menjejaskan sama ada perakaunan atau untung boleh cukai (kerugian cukai). Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan untuk perbezaan sementara apabila dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh lembaran imbalan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat yang kemungkinan bahawa untung boleh cukai masa hadapan diperoleh, yang dengannya, perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap tarikh melapor dan dikurangkan hingga ke takat yang manfaat cukai berkaitan tidak lagi mungkin terealisasi.

Cukai tambahan yang timbul daripada agihan dividen diiktiraf pada masa yang sama apabila liabiliti untuk membayar dividen berkaitan diiktiraf.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(v) Hasil penanggungjaminan takaful am

Hasil penanggungjaminan takaful am ditentukan untuk setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira takaful semula, komisen, sumbangan tidak terperoleh dan tuntutan tertanggung.

(i) Rizab sumbangan tidak terperoleh

Rizab sumbangan tidak terperoleh ("UCR") merupakan bahagian sumbangan bersih polisi takaful yang ditanggung jamin yang berkaitan dengan belum tamat tempoh sijil pada akhir tempoh kewangan.

Kaedah 1/365 digunakan untuk semua perniagaan takaful am Syarikat.

(ii) Peruntukan untuk tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan belum jelas diiktiraf dari segi insurans langsung. Amaun tuntutan belum jelas adalah anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan bersama dengan belanja berkaitan tolak bayaran balik untuk menjelaskan kewajipan semasa pada tarikh lembaran imbangan.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan, bersama dengan belanja berkaitan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan pada tarikh lembaran imbangan, menggunakan kaedah penganggaran matematik.

(iii) Kos pemerolehan

Kos memperoleh dan memperbaharui polisi insurans tolak pendapatan diperoleh daripada premium insurans semula menyerah diiktiraf sebagai tertanggung dan diagih dengan betul mengikut tempoh yang mungkin menghasilkan pendapatan.

(w) Hasil penanggungjaminan takaful keluarga

Lebih boleh pindah daripada dana hayat ke penyata pendapatan adalah berdasarkan lebih yang ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan bagi liabiliti jangka panjang kepada pemegang polisi.

(i) Pendapatan sumbangan

Sumbangan diiktiraf sebaik sahaja amaun sumbangan boleh diukur dengan pasti.

Perniagaan berkaitan dengan unit

Pendapatan sumbangan pertama diiktiraf berdasarkan andaian risiko dan sumbangan berikutan yang diiktiraf atas dasar tunai. Risiko berikutan diandaikan berdasarkan kecukupan unit bagi pemegang sijil.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)**(w) Hasil penanggungjaminan takaful keluarga (Sambungan)****(ii) Komisen dan belanja agensi**

Komisen dan belanja agensi, yang merupakan kos tertanggung secara langsung dalam mendapatkan sumbangan ke atas sijil takaful, tolak pendapatan yang diperoleh daripada takaful semula dalam menjalankan penyerahan sumbangan ke takaful semula, dicaj ke akaun hasil dalam tempoh ia tertanggung.

(iii) Peruntukan untuk tuntutan

Tuntutan dan kos penyelesaian yang tertanggung dalam tempoh kewangan diiktiraf apabila peristiwa boleh tuntutan berlaku dan/atau penanggung insurans diberitahu.

Tuntutan dan peruntukan untuk tuntutan yang timbul daripada sijil takaful keluarga, termasuk kos penyelesaian, diambil kira menggunakan kaedah mengikut kes dan untuk tujuan ini, manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil takaful keluarga diiktiraf seperti berikut:

- (a) Kematangan atau bayaran manfaat takaful yang lain yang perlu dibayar pada tarikh tertentu dianggap sebagai tuntutan yang perlu dibayar pada tarikh tamat tempoh.
- (b) Kematian, serahan dan manfaat lain tanpa tarikh tamat tempoh dianggap sebagai tuntutan yang perlu dibayar pada tarikh penerimaan penamatan akibat kematian pihak yang diinsuranskan atau berlakunya hal luar jangka yang terlindung.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

4. WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Bank	
	2008 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000	2007 RM'000
Wang tunai di tangan dan baki di bank-bank dan lain-lain institusi kewangan	521,132	373,633	512,394	369,818
Wang panggilan, deposit-deposit dan peletakan yang matang dalam tempoh sebulan	732,685	770,934	719,850	751,707
	1,253,817	1,144,567	1,232,244	1,121,525

5. DEPOSIT-DEPOSIT DAN PELETAKAN DENGAN BANK-BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN

	Kumpulan		Bank	
	2008 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000	2007 RM'000
Bank-bank berlesen	125,000	30,000	125,000	30,000
Syarikat kewangan berlesen	-	9,000	-	9,000
Institusi kewangan pembangunan	-	30,681	-	30,681
	125,000	69,681	125,000	69,681

Struktur kematangan deposit-deposit dan peletakan dengan institusi kewangan adalah seperti yang berikut :

	Kumpulan		Bank	
	2008 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000	2007 RM'000
Matang dalam tempoh satu tahun	125,000	69,681	125,000	69,681
	125,000	69,681	125,000	69,681

6. SEKURITI DIPEGANG UNTUK DAGANGAN

	Kumpulan		Bank	
	2008 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000	2007 RM'000
Pada nilai saksama				
<u>Sekuriti disebut harga di Malaysia :</u>				
Saham	17,366	29,107	17,366	29,107
Sekuriti dipegang untuk dagangan	17,366	29,107	17,366	29,107

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

Bank Simpanan Nasional | Laporan Tahunan 2008 Annual Report

